



SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu berminat membaca dokumen Perisytiharan Malaysia dalam tulisan Jawi ketika berangkat melawat Pameran Arkib di bangunan

Arkib Negara, selepas berkenan merasmikan bangunan baru itu di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian oleh F.K. Tham.

Sejarah sumber kesedaran — Tuanku

KUALA LUMPUR, Rabu — Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hari ini membidas setengah golongan generasi muda yang sanggup mencemar maruah negara kepada orang asing.

Titah Seri Paduka Baginda, oleh kerana sebahagian besar generasi muda di negara ini dilahir atau membesar selepas merdeka, mereka tidak dapat merasakan hidup dijajah oleh negara asing.

"Merdeka mengangap kemerdekaan itu satu perkara biasa yang tidak perlu diperjuangkan dan dipelihara," titah Seri Paduka Baginda ketika berangkat merasmikan bangunan baru Arkib Negara, di sini, petang ini.

Dengan itu, titah Seri Paduka Baginda lagi, Jabatan Arkib Negara memainkan peranan penting dalam usaha menyemai kesyukuran dan memberi pengetahuan terhadap nikmat yang diwarisi.

"Hanya dengan pengetahuan dan kesedaran

tentang sejarah hidup dijajah barulah datang keinsafan dan kesyukuran," titah Yang di-Pertuan Agong.

Di samping itu, Seri Paduka bertitah, usaha mewujudkan dan memupuk kesedaran mengenai sejarah dan warisan tanahair perlu mendapat perhatian semua pihak.

"Melalui kesedaran inilah rakyat dapat mengenali diri dan negaranya, berbangga dengan kejayaan, insaf dengan kegagalan dan turut menggembleng hasrat dan tenaga ke arah pencapaian dan kejayaan yang lebih tinggi," titah Seri Paduka.

Kelemahan

Titah Seri Paduka Baginda, usaha mestilah dibuat untuk menyemai kesedaran ini di kalangan rakyat, khususnya golongan remaja dan belia, tentang pentingnya sejarah serta warisan tanahair dalam kehidupan mereka.

"Merdeka harus mengetahui sumbangan dan pengorbanan yang dibuat oleh pemimpin serta tokoh-tokoh negara dan

mengenal liku-liku sejarah supaya semangat cintakan tanahair sentiasa bernyala," titah Seri Paduka Baginda.

Yang di-Pertuan Agong juga menegaskan golongan remaja ini harus mengetahui aspek aspek kelemahan yang menjackson prestasi sebagai sebuah negara yang bermaruah agar dapat menukar sikap dan menyalurkan tenaga ke arah memenuhi aspirasi negara.

Mengenal bahan-bahan sejarah yang penting negara ini yang masih berada di luar negeri, Seri Paduka Baginda yakin negara-negara yang pernah menajah Malaysia dapat membantu usaha mengumpulkan bahan-bahan sejarah yang pernah lebih positif dan bermakna.

"Saya difahamkan Arkib Negara berusaha sepanjang masa untuk memperolehi bahan-bahan sejarah ini bagi melengkapkan simpanannya," titah Seri Paduka Baginda.

Bagi pengumpulan bahan-bahan sejarah da-

Dari Muka 1

lam negeri, Seri Paduka Baginda menyeru badan-badan dan orang perseorangan yang mempunyai bahan sejarah yang penting sentiasa berhubung dengan Arkib Negara supaya bahan tersebut dapat dipelihara dengan sempurna.

Seri Paduka juga menyeru agar rakyat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Arkib Negara yang bertanggungjawab menyimpan dan memelihara bahan-bahan sejarah negara.

Terdahulu dari itu, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, berkata Jabatan Arkib Negara, Muzeum Negara dan Perpustakaan Negara akan disatukan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya pemeliharaan bahan-bahan warisan negara berjalan dengan lebih sempurna dan berkesan.

Bagaimanapun, tambahnya, Arkib Negara sehingga ini telah dapat menjalankan usaha memperolehi bahan-bahan dari jabatan-jabatan kerajaan dengan lebih berkesan serta berupaya membantu jabatan tersebut dalam cara mengurus rekod dengan sempurna.

Datuk Abdullah berbangga dengan kemajuan pesat yang dicapai oleh Arkib Negara dalam memberi nasihat dan panduan kepada jabatan-jabatan kerajaan mengenai pengurusan rekod sejak 25 tahun lalu.